



LEMBAGA SUMBER AIR NEGERI KEDAH (LSANK)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN SUMBER AIR KEDAH (AKTIVITI BADAN PERAIRAN) 2015

1. PENGENALAN

Tertakluk kepada Seksyen 93,(a), (i) dan (ii) Enakmen Sumber Air Kedah 2008 mewajibkan semua aktiviti badan perairan hendaklah mempunyai lesen untuk menjalankan setiap operasi tersebut.

Seksyen 77 memperuntukan mana-mana orang yang melakukan kesalahan berhubung dengan lesen jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 300,00.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun. Sekiranya kesalahan ini dilakukan secara berterusan, denda selanjutnya yang tidak melebihi RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) sehari akan dikenakan bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan di bawah Seksyen 89.

2. OBJEKTIF LESEN

Tujuan garis panduan ini diadakan ialah untuk memastikan sebarang aktiviti yang dilakukan tidak mencemarkan kualiti sumber air yang sedia ada dan memudahkan kerja-kerja pemantauan dijalankan serta menguatkuasakan Enakmen Sumber Air Kedah 2008.

3. PROSEDUR PERMOHONAN

3.1 Permohonan Lesen / Pembaharuan Lesen Aktiviti Badan Perairan

(a) Aktiviti Rekreasi Sukan Air

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama – Subperaturan 3(1)
- (ii) Melengkapkan Borang C Jadual Keempat – Subperaturan 14(1).
- (iii) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama dan disertai dengan fi pemprosesan yang telah ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.
- (iv) Sekiranya terdapat lebih dari satu lesen untuk dipohon, pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan yang berasingan kerana satu borang permohonan adalah untuk satu lesen sahaja.
- (v) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Pengarah.

(b) Aktiviti Vesel Rekreasi

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama – Subperaturan 3(1)
- (ii) Melengkapkan Borang D Jadual Kelima – Subperaturan 17(1)
- (iii) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama dan disertai dengan fi pemprosesan yang telah ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.
- (iv) Sekiranya terdapat lebih dari satu lesen untuk dipohon, pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan yang berasingan kerana satu borang permohonan adalah untuk satu lesen sahaja.
- (v) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Pengarah.

(c) Aktiviti Vesel Pembinaan

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama – Subperaturan 3(1)
- (ii) Melengkapkan Borang E Jadual Keenam – Subperaturan 20(1)
- (iii) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama dan disertai dengan fi pemprosesan yang telah ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.
- (iv) Sekiranya terdapat lebih dari satu lesen untuk dipohon, pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan yang berasingan kerana satu borang permohonan adalah untuk satu lesen sahaja.
- (v) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Pengarah.

(d) Aktiviti Sangkar

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama – Subperaturan 3(1)
- (ii) Melengkapkan Borang F Jadual Ketujuh – Subperaturan 23(1)
- (iii) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama dan disertai dengan fi pemprosesan yang telah ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.
- (iv) Sekiranya terdapat lebih dari satu lesen untuk dipohon, pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan yang berasingan kerana satu borang permohonan adalah untuk satu lesen sahaja.
- (v) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Pengarah.

(e) Aktiviti Binaan

- (i) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama – Subperaturan 3(1)
- (ii) Melengkapkan Borang G Jadual Kelapan – Subperaturan 26(1)
- (iii) Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A Jadual Pertama dan disertai

dengan fi pemprosesan yang telah ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua.

- (vi) Sekiranya terdapat lebih dari satu lesen untuk dipohon, pemohon dikehendaki melengkapkan borang permohonan yang berasingan kerana satu borang permohonan adalah untuk satu lesen sahaja.
- (vii) Sekiranya permohonan bagi aktiviti binaan, pemohon diwajibkan mengemukakan status pemilikan tanah ataupun kebenaran bertulis mengenai penggunaan tanah kepada Pengarah.
- (viii) Pemohon bagi aktiviti binaan hendaklah mengemukakan kebenaran merancang, pelan bangunan atau lain-lain kelulusan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].
- (ix) Pemohon bagi aktiviti binaan hendaklah mematuhi undang-undang berkaitan bangunan, kerja tanah dan sebagainya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], perundangan subsidiari dan undang-undang kecil yang berkaitan.
- (x) Fi pemprosesan yang ditetapkan dalam Susunan A Jadual Kedua tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Pengarah.

3.2 Fi Pemprosesan

Bayaran **memproses permohonan** adalah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Sahaja (**RM 150.00**) untuk setiap permohonan. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk tunai, kiriman wang, wang pos, eft, cek atau deraf bank atas nama **‘PENGARAH LEMBAGA SUMBER AIR NEGERI KEDAH’** dan hendaklah diserahkan bersama-sama borang permohonan di Pejabat Lembaga Sumber Air Negeri Kedah.

4. FI, CAJ DAN SEKURITI

- (a) Bayaran Fi pemprosesan yang ditetapkan adalah **RM 150.00** untuk permohonan kali pertama. – subperaturan 3(1)
- (b) Permohonan yang lulus akan dimaklumkan kepada pemohon tertakluk kepada pematuhan syarat, bayaran fi dan caj.

- (c) Bayaran Fi Lesen yang ditetapkan adalah sebanyak **RM 500.00** untuk tempoh setahun bagi setiap permohonan. Caj untuk setiap aktiviti adalah berdasarkan kepada jenis aktiviti yang dijalankan oleh pemohon seperti Jadual 2 Susunan B.
- (d) Peraturan-Peraturan Sumber Air Kedah (Aktiviti Badan Perairan) 2015, memperuntukkan mana-mana orang yang menjalankan aktiviti badan perairan akan dikenakan caj seperti berikut :

**JADUAL KEDUA
SUSUNAN A**

(1)	(2) Fi	(3) Jumlah (RM)
1.	Fi pemprosesan [subperaturan 3(1)]	150.00
2.	Fi bagi penukaran maklumat dalam lesen [peraturan 6]	50.00
3.	Fi bagi penggantian lesen [subperaturan 7(2)]	100.00
4.	Fi lesen [subperaturan 10(1)] (a) aktiviti rekreasi sukan air (b) aktiviti vesel rekreasi (c) aktiviti vesel pembinaan (d) aktiviti sangkar (e) aktiviti binaan	500.00/setahun 500.00/setahun 500.00/setahun 500.00/setahun 500.00/setahun
5.	Fi permohonan salinan lesen diperakui benar [subperaturan 36(2)]	50.00
6.	Carian persendirian [subperaturan 38(1)]	10.00
7.	Carian rasmi [subperaturan 38(3)]	30.00

* Walau apapun yang disebut oleh subperaturan 10(1), bagi tujuan “one off” bayaran fi lesen yang terpakai adalah seperti ruangan 3 Susunan A.

SUSUNAN B
[Subperaturan 11(1)]

(1)	(2) Caj	(3) Jumlah (RM)/ tahun
1.	Aktiviti rekreasi sukan air	10.00 / unit
2.	Aktiviti vesel rekreasi	10.00 / unit
3.	Aktiviti vesel pembinaan a) pontun b) vesel mengikut kelas : kelas I : 0 – 500 tan kelas II : 501 – 1000 tan kelas III : 1001 – 2000 tan kelas IV : 2001 – 3000 tan kelas V : 3001 – 4000 tan kelas VI : 4001 – 5000 tan kelas VII : 5001 dan ke atas	500.00 500.00 1000.00 2000.00 3000.00 4000.00 5000.00 6000.00
4.	Aktiviti sangkar	0- 200 meter ² pertama = 200.00 untuk 1 m ² seterusnya= 2.00
5.	Aktiviti binaan a) sebarang jenis binaan b) tambatan vesel	0- 200 meter ² pertama = 200.00 untuk 1 m ² seterusnya= 2.00 100.00

(e) Jumlah sekuriti yang ditetapkan adalah mengikut jenis-jenis aktiviti yang dijalankan oleh pemohon. Sekuriti hendaklah dijelaskan semasa proses pemohonan lesen dilakukan.

SUSUNAN C

[Subperaturan 12(1)]

(1)	(2) Sekuriti	(3) Jumlah (RM)
1.	Aktiviti sukan air	5000.00
2.	Aktiviti vesel rekreasi	5000.00
3.	Aktiviti vesel pembinaan a) pontun b) vesel	5000.00 20000.00
4.	Aktiviti sangkar	5000.00
5.	Aktiviti binaan	10000.00

- (f) Setiap lesen yang dikeluarkan akan disertakan dengan syarat-syarat umum, khas dan tambahan jika ada. Pemegang lesen dikehendaki mematuhi syarat-syarat tersebut sepanjang tempoh lesen berkuatkuasa. Pihak Lembaga Sumber Air Negeri Kedah boleh membatalkan, atau menggantung lesen atau mengeluarkan arahan berhenti operasi sekiranya gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- (g) Lesen ini berkuatkuasa selama **SATU TAHUN** atau sebagaimana tempoh masa yang tercatat di atas lesen.
- (h) Bayaran boleh dibuat dalam bentuk tunai, kiriman wang, wang pos, eft, cek, deraf bank di atas nama :

Pengarah

***Lembaga Sumber Air Negeri Kedah
Aras 1, Blok E, Wisma Darul Aman,
05503 Alor Setar, Kedah.
Tel : 04-7744650, Fax : 04-7744655***

5. PROSEDUR MEMPERBAHARUI LESEN

(a) Pembaharuan lesen hendaklah dibuat 6 bulan sebelum tamat tempoh lesen sekiranya ingin ;

- (i) meneruskan aktiviti yang dijalankan
- (ii) menambah atau mengurangkan peralatan yang digunakan untuk aktiviti

(b) Cara memperbaharui lesen

- (i) melengkapkan borang-borang yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan terkini dan dihantar kepada pihak Lembaga.
- (ii) membuat pembayaran Fi Lesen sejumlah **RM 500.00** bagi setiap permohonan.

6. PEMBERHENTIAN OPERASI

Setiap aktiviti lesen yang hendak berhenti operasi atau ditutup perlu dimaklumkan kepada pihak Lembaga Sumber Air Negeri Kedah.

7. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN AKTIVITI BADAN PERAIRAN

